

GARIS PANDUAN BERKENAAN PERMOHONAN MEMASUKKAN SEMULA NAMA SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 308(5) AKTA SYARIKAT 1965

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi panduan berhubung prosedur untuk memasukkan semula nama syarikat yang telah dibatalkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 308 Akta Syarikat 1965 (S.308 AS).

PENGENALAN

2. S.308 AS memberikan kuasa undang-undang kepada Pendaftar Syarikat untuk membatalkan syarikat yang tidak berfungsi daripada daftar syarikat yang disimpan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Mana-mana syarikat yang gagal untuk mematuhi peruntukan s.165 dan s.169 AS iaitu untuk menyerahkan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi setiap tahun ia beroperasi adalah salah satu kriteria yang diambil kira oleh Pendaftar semasa membuat keputusan untuk membatalkan sesebuah syarikat dari daftar syarikat.
4. Status syarikat-syarikat yang telah dibatalkan menurut peruntukan s.308 AS bertukar menjadi bubar setelah notis-notis yang ditetapkan menurut peruntukan s.308 AS diterbitkan dalam warta.
5. Mana-mana pihak yang terkilan dengan pembubaran mana-mana syarikat di bawah s.308 AS boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk memasukkan semula nama syarikat-syarikat yang telah dibubarkan ke dalam daftar syarikat.
6. Permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar boleh dibuat pada bila-bila masa dalam masa lima belas (15) tahun selepas nama syarikat dibatalkan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

7. Permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar syarikat yang disimpan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia hendaklah dibuat menurut peruntukan s.308(5) AS dan Kaedah 88 Aturan 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2012 (KKMT 2012). S.308(5) AS dan Kaedah 88 Aturan 2, KKMT 2012 memperuntukkan seperti berikut:

Seksyen 308(5) AS: "If any person feels aggrieved by the name of the company having been struck off the register, Court on an application made by the person at any time within fifteen years after the name of the company has been so struck off may, if satisfied that the company was, at the time of the striking off, carrying on business or in operation or otherwise that it is just that the name of the company to be restored to the register, and upon an office copy of the order being lodged with the Registrar the company shall be deemed to have continued in existence as if its name had not been struck off, and the Court may by the order give such directions and make such provisions as seem just for placing the company and all other persons in the same position as nearly as may be as if the name of the company had not been struck off"

Kaedah 88 Aturan 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2012: "Except for the proceedings specified in Appendix C relating to the winding up of companies and capital reduction under the Act, proceedings under the Act shall be commenced by originating summons"

8. Menurut Kaedah 88 Aturan 2, KKMT 2012 permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar hendaklah dimulakan dengan Saman Pemula ('Originating Summon'). Saman Pemula ini hendaklah disokong dengan Afidavit Sokongan yang menjelaskan alasan dan bukti untuk menyokong permohonan.
9. Sekiranya syarikat masih beroperasi semasa nama syarikat dibatalkan, pemohon hendaklah mengemukakan bukti-bukti untuk menunjukkan syarikat beroperasi. Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit (bagi tahun semasa dan bagi tahun-tahun yang

tertunggak) hendaklah disediakan dan dilampirkan sebagai ekshibit dalam Afidavit Sokongan pemohon untuk menyokong permohonan.

10. Sekiranya syarikat mempunyai aset semasa nama syarikat dibatalkan, pemohon hendaklah mengemukakan bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan aset tersebut. Contohnya, salinan suratan hakmilik tanah (Geran), Akaun Bank dan lain-lain lagi.
11. Pendaftar Syarikat (SSM) selaku badan kawal selia kepada syarikat hendaklah dinamakan sebagai pihak 'Responden' / 'Defendan' dalam permohonan ini. SSM juga bertanggungjawab untuk memberi kesan kepada perintah yang akan diberikan oleh Mahkamah. Oleh itu, SSM akan meneliti semua permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar sebelum memaklumkan kepada Mahkamah pendiriannya sama ada menyokong atau membantah permohonan tersebut.

LAMPIRAN

12. Berikut adalah contoh-contoh 'Kertas Kausa' untuk permohonan memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar. Kertas Kausa bagi permohonan sebegini harus dipinda mengikut fakta kes masing-masing.

Lampiran A – Saman Pemula

Lampiran B – Afidavit Sokongan

Garis Panduan ini disediakan oleh:

Seksyen Litigasi
Bahagian Perkhidmatan Perundangan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Bertarikh: 20 Disember 2012

LAMPIRAN A

Tarikh difailkan :

Tarikh pendengaran :

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN DAGANG)

SAMAN PEMULA NO.: _____ 2012

Dalam Perkara Mengenai ABC SDN. BHD.(No. Syarikat: 12345-A)

DAN

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 308 (1) dan Seksyen 308 (5) Akta Syarikat, 1965

DAN

Dalam Perkara Mengenai Aturan 1 Kaedah 8 Aturan 88 Kaedah 2, dan Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

1. DEFGH
(No. K/P: xxxxxx-xx-xx)

2. ABC SDN. BHD.
(No. Syarikat: 12345-A)

... PLAINTIF-
PLAINTIF

DAN

PENDAFTAR SYARIKAT,
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

... DEFENDAN

SAMAN PEMULA

Benarkan Defendan yang beralamat di Menara SSM, @ Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur hadir di hadapan Hakim dalam Kamar pada hari pada haribulan ,2012 pukul pagi/petang atas pendengaran suatu permohonan oleh Plaintiff-Plaintif yang menuntut terhadap Defendan yang dinamakan di atas untuk relif-relif berikut :-

1. Bahawa nama Syarikat ABC Sdn Bhd (No. Syarikat: 12345-A) dimasukkan semula ke dalam Daftar Syarikat Defendan menurut peruntukkan Seksyen 308(5) Akta Syarikat 1965;
2. Bahawa Plaintiff-Plaintif berakujanji untuk membayar segala kompaun yang akan dikenakan apabila Syarikat didaftarkan semula dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah diberikan;
3. Bahawa Plaintiff-Plaintif berakujanji untuk menyerahsimpan dokumen-dokumen statutori termasuk tetapi tidak terhad Penyata Kewangan Teraudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx, Penyata Tahunan dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx bagi tahun-tahun ianya tidak diserahsimpan dan dokumen berkaitan Gadaian (sekiranya ada) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah diberikan;
4. Bahawa kos pentadbiran sebanyak RM2,000.00 dibayar oleh Plaintiff-Plaintif dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah ini diberikan.

5. Bahawa kos permohonan ini dibayar oleh Plaintiff; dan
6. Perintah-Perintah lanjut yang dirasakan suaimanfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh pada haribulan 2012.

.....
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

Memorandum yang hendak diturunkan pada saman

Saman ini diambil oleh Tetuan xxx yang beralamat di xxxxx, peguamcara kepada Plaintiff-Plaintif yang tersebut di atas.

Nota: Saman ini tidak boleh disampaikan lebih daripada 6 bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan diperbaharui oleh perintah Mahkamah. difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah.

Saman Pemula ini telah difailkan oleh xxxx , peguamcara bagi pihak **Plaintif-Plaintif** yang mempunyai alamat untuk penyampaian di xxxxxx.

[No. Telefon: xxxxxx]

[Faks: xxxxxx]

[Ruj : xxxxxx]

LAMPIRAN B

Tarikh difailkan :

Tarikh diikrarkan :

Tarikh pendengaran :

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN DAGANG)

SAMAN PEMULA NO.: 2012

Dalam Perkara Mengenai ABC SDN. BHD.(No. Syarikat: 12345-A)

DAN

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 308 (1) dan Seksyen 308 (5) Akta Syarikat, 1965

DAN

Dalam Perkara Mengenai Aturan 1 Kaedah 8 Aturan 88 Kaedah 2, dan Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

3. DEFGH
(No. K/P: XXXXXX-XX-XX)

4. ABC SDN. BHD.
(No. Syarikat: 12345-A)

... PLAINTIF-
PLAINTIF

DAN

PENDAFTAR SYARIKAT,
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

... DEFENDAN

AFIDAVIT SOKONGAN

Saya, **DEFGH (No. K/P: xxxxxx-xx-xxxx)** seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di xxxxxx dengan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah salah seorang Pengarah dan Pemegang Saham di Syarikat ABC Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 12345-A), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965.
2. Saya sesungguhnya telah diberikan kuasa untuk mengikrarkan affidavit ini bagi pihak Plaintiff Kedua dan juga bagi pihak KLMN, iaitu seorang lagi Pengarah dan Pemegang Saham di dalam Plaintiff Kedua.

Sesalinan Affidavit yang diikrarkan oleh KLMN pada xxxx yang menyatakan persetujuannya untuk memberi kuasa kepada saya untuk mengikrarkan affidavit ini bagi pihak beliau dalam permohonan ini dilampirkan dan ditandakan sebagai **“Eksibit DEFGH-1”**

3. Fakta-fakta yang dinyatakan di sini adalah dalam pengetahuan saya berdasarkan rekod-rekod kepunyaan Plaintiff Kedua yang mana saya mempunyai akses penuh melainkan dinyatakan berdasarkan maklumat yang diberi dan kepercayaan saya sendiri.

FAKTA MATERIAL

4. Plaintiff Kedua telah didaftarkan pada xx.xx.xxxx dan antara objek perniagaannya adalah xxxxxxxx.

5. Saya juga menyatakan bahawa Pengarah-Pengarah Plaintiff Kedua adalah juga Pemilik-Pemilik Saham di Plaintiff Kedua yang terdiri daripada dua orang individu iaitu:
 - a. DEFGH (No. K/P: xxxxxx-xx-xx); dan
 - b. KLMN (No. K/P: xxxxxx-xx-xx)

Sesalinan Carian Syarikat dilampirkan dan ditandakan sebagai “***Eksibit DEFGH-2.***”

6. Saya telah dinasihati oleh peguamcara saya bahawa permohonan untuk mendaftarkan semula nama Plaintiff Kedua adalah perlu kerana pada setiap masa yang material, Plaintiff Kedua adalah sebuah syarikat yang aktif dan menjalankan perniagaan sejak penubuhannya sehingga kini.

7. Saya juga menyatakan bahawa permohonan ini perlu dan penting bagi memastikan Plaintiff Kedua dapat menjalankan perniagaannya secara sah. Tambahan pula Plaintiff Kedua adalah dalam proses untuk mengembangkan

perniagaannya yang mana secara tidak langsung akan memberi daya saing dalam bidang perniagaan yang diceburi oleh Plaintiff Kedua dan dapat menjaga ekonomi negara.

8. Saya selanjutnya menyatakan bahawa melalui Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dari tahun xxxx hingga tahun xxxx dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx, menunjukkan bahawa Syarikat tersebut adalah aktif menjalankan perniagaan dan beroperasi pada setiap masa yang material dan memperolehi keuntungan dalam tahun-tahun sebelum ini.

Sesalinan “Penyata Tahunan” dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx dan “Penyata Kewangan yang Teraudit” syarikat tersebut dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx” dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai “***Eksibit DEFGH-3.***”

PEMBUBARAN SYARIKAT ABC SDN. BHD. (NO. SYARIKAT: 12345-A) OLEH DEFENDAN

9. Pada dan/atau sekitar bulan xxxxx xxxx Plaintiff Pertama telah dimaklumkan bahawa Plaintiff Kedua telahpun dibatalkan dari Daftar Syarikat pada xx.xx.xxxx apabila Notis di bawah Seksyen 308 (4) diwartakan pada xx.xx.xxxx di dalam Warta Kerajaan bernombor xxxxxx.

10. Lantaran daripada itu, Plaintiff Kedua melalui pekerja dan/atau agennya telah menghubungi Defendan dan telah dimaklumkan oleh Defendan bahawa Plaintiff Kedua telah dibubarkan disebabkan kegagalan Plaintiff Kedua untuk menyerahsimpan dokumen-dokumen statutori kepada Defendan dari tahun xxxx sehingga xxxx i.e. Penyata Kewangan yang telah diaudit dan Penyata Tahunan.

PERKHIDMATAN SETIAUSAHA SYARIKAT

11. Setelah mengetahui bahawa nama Plaintiff Kedua telah dibatalkan dari Daftar Syarikat, agen, wakil dan/atau pekerja Plaintiff Kedua telah menghubungi Tetuan xxxx Sdn. Bhd iaitu perkhidmatan setiausaha syarikat yang bertauliah yang digunapakai oleh Plaintiff Kedua berkenaan perkara yang sama.
12. Namun begitu, tiada sebarang penjelasan munasabah yang diberikan oleh Tetuan xxxx Sdn. Bhd. atas kegagalan mereka untuk menyerah simpan dokumen-dokumen statutori kepada pihak Defendan bagi pihak Plaintiff Kedua.
13. Plaintiff-Plaintiff pada setiap masa yang material mempercayai bahawa dokumen-dokumen statutori i.e. Penyata Kewangan yang telah diaudit dan Penyata Tahunan telah diserahsimpan Tetuan xxxx Sdn. Bhd. kepada Defendan dan berada di dalam keadaan teratur menurut peruntukkan Akta Syarikat 1965.

SYARIKAT MASIH AKTIF MENJALANKAN PERNIAGAAN SEMASA NAMA SYARIKAT DIBATALKAN DARI DAFTAR SYARIKAT

14. Saya selanjutnya telah dinasihati oleh peguamcara saya bahawa penyenaian semula Plaintiff Kedua ke dalam Daftar Syarikat adalah material atas alasan-alasan di bawah:-

14.1 Pada setiap masa material, Plaintiff Kedua aktif menjalankan perniagaan dan mencatatkan keuntungan memberangsangkan. Ini dapat dilihat melalui Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx yang telah dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3.

14.2 Plaintiff Kedua juga telah dianugerahkan projek oleh xxxx pada tahun xxxx untuk kerja xxxx dan pada tahun xxxx untuk kerja mengendalikan, menghantar dan memungkah xxxx dan xxxx di xxxx. Projek tersebut masih lagi berkuatkuasa dan projek ini adalah bersifat berkepentingan awam serta memberikan rangsangan kepada ekonomi negara.

Sesalinan Perjanjian xxxxx bertarikh xxxxx dan Surat Rasmi Penganugerahan ("*Official Award Letter*") dari xxxx bertarikh xxxx dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai "***Eksibit DEFGH-4.***"

14.3 Sekiranya Plaintiff Kedua tidak disenaraikan semula oleh Defendan, Plaintiff Kedua tidak dapat mengembangkan perniagaannya.

14.4 Sekiranya nama syarikat Plaintiff Kedua tidak didaftarkan semula, adalah amat merugikan, amat berbahaya dan akan menyebabkan kemudaratan yang tidak boleh dipampas apabila aktiviti ekonomi syarikat Plaintiff Kedua tidak dapat dikembangkan sekaligus akan memberi kesan kepada pekerja-pekerja Plaintiff Kedua yang masih lagi berkhidmat dengan Plaintiff Kedua serta mendedahkan risiko kepada Plaintiff Kedua untuk diambil tindakan guaman kerana gagal untuk mematuhi terma-terma kontrak yang dimasuki di antara Plaintiff Kedua dan xxxxx.

Sesalinan senarai pekerja syarikat Plaintiff Kedua berserta bukti pembayaran Caruman pekerja ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, SOCSO dan LHDN bagi tahun-tahun yang terlibat dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai **“Eksibit DEFGH-5.”**

14.5 Sekiranya nama syarikat Plaintiff Kedua tidak didaftarkan semula, nama baik dan reputasi Plaintiff Kedua sebagai sebuah syarikat perkapalan terkemuka akan menjadi sia-sia dan akan terjejas dengan teruk dan akan memberi kesan yang buruk kepada pelanggan-pelanggan yang sedia ada seperti xxxx, bakal pelanggan (*“prospect client”*) dan pihak yang selama ini berurusan untuk membuat dagangan dengan Plaintiff Kedua.

TIADA KESAN YANG MEMUDARATKAN DEFENDAN

15. Dalam setiap masa yang material kegagalan Plaintiff Kedua untuk menyerahkan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dan Penyata Tahunan kepada pihak Defendan masih boleh diselaraskan ("*regularize*").

16. Tambahan pula, Plaintiff Kedua telah menyediakan Penyata Tahunan dari tahun xxxx sehingga xxxx dan Penyata Kewangan yang Teraudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx yang telah dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3, yang mana tidak diserahkan dengan pihak Defendan. Penyata Kewangan tersebut adalah pada setiap masa telah siap dan sedia untuk diserahkan sekiranya permohonan ini dibenarkan. Malah Plaintiff Kedua juga telah menyediakan Deraf Penyata Kewangan Tahun xxxx seperti yang dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3 dan bersedia untuk diserahkan sekiranya permohonan ini dibenarkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

17. Dalam setiap keadaan, saya percaya bahawa Defendan boleh mengenakan denda ataupun kompaun terhadap Plaintiff Kedua berikutan kegagalan Plaintiff Kedua dalam menyerahkan Penyata Tahunan dan Penyata Akaun Teraudit selain daripada membatalkan nama syarikat di dalam Daftar Syarikat.

18. Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya dengan rendah diri memohon agar permohonan saya di dalam Saman Pemula dibenarkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Berkenaan dengan Afidavit oleh deponen)
bernama **DEFGH (No. K/p:xxxxx-xx-xxxx)**)
diikrarkan pada)
di)
pada pukul)
pagi/petang (tanpa terjemahan))

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

AFIDAVIT ini telah difailkan oleh xxxx, peguamcara bagi pihak **Plaintif-Plaintif** yang mempunyai alamat untuk penyampaian di xxxxxx.

[No. Telefon: xxxxxx]

[Faks: xxxxxx]

[Ruj : xxxxxx]